

21/05/1999

Sun diperintah kemuka isu awal

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi hari ini membenarkan permohonan Sun Media Corporation Sdn Bhd penerbit akhbar The Sun, supaya mahkamah mendengar isu awal kes saman fitnah Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum perbicaraan sepenuhnya bermula.

Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam yang membuat keputusan itu memerintahkan Sun Media mengemukakan permohonan berhubung tiga isu awal yang akan didengar pada 1 Julai ini.

Sun Media yang diwakili oleh peguam bela Datuk V K Lingam memohon supaya mahkamah mendengar tiga isu awal iaitu;

- \* Jika penerbitan yang diadakan itu dilindungi oleh perlindungan bersyarat mengikut undang-undang lazim;

- \* Sama ada penerbitan yang diadakan itu diterbitkan berdasarkan kepada akuan perlindungan bersyarat mengikut peruntukan Seksyen 12 Akta Fitnah 1957 dan Perenggan 5 Bahagian II jadual akta berkenaan dan;

- \* Sama ada perkataan yang diadakan itu diterbitkan berdasarkan perlindungan bersyarat kerana ia diterbitkan hasil daripada sebahagian jawapan berikutan satu `serangan'.

"Pada peringkat ini, saya cuma ingin memutuskan sama ada defendan menunjukkan kes yang mencukupi untuk saya memberi defendan peluang berhujah mengenai isu itu," katanya.

Kamalanathan berkata, defendan sudah berhujah sepenuhnya mengenai isu perlindungan bersyarat; akuan perlindungan bersyarat dan perlindungan bersyarat hasil daripada jawapan kepada satu serangan.

"Jika saya memutuskan isu ini pada peringkat ini berdasarkan kepada hujah peguam bela, saya sudah membuat prakeputusan berhubung permohonan yang akan didengar nanti," katanya.

Menurutnya, beliau akan memberi peluang kepada Anwar untuk mengemukakan hujah Sun Media berniat jahat ketika menerbitkan perkataan fitnah bagi menyokong supaya perbicaraan penuh diadakan untuk kes itu.

Dalam penyataan tuntutanannya, yang difailkan pada 26 Februari lalu, Anwar menuntut ganti rugi RM100 juta kerana mendakwa Sun Media menerusi The Sun mengeluarkan satu artikel yang berniat jahat serta memfitnahnya.

Artikel bertajuk `Anwar's Behaviour Despicable' diterbitkan di halaman dua akhbar itu pada 23 September 1998.

Artikel itu memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menggambarkan pembabitian Anwar dalam perbuatan seks luar tabii dengan seorang lelaki lain.

Sun Media dalam pembelaannya menafikan perkataan yang diadakan dalam tuntutan Anwar membawa atau difahamkan untuk membawa maksud yang Anwar seorang homoseksual yang bertentangan dengan aturan tabii.

Selain itu, defendan berkata perkataan yang diadakan diterbitkan atas satu keadaan perlindungan bersyarat.

Menurutnya, ia menjadi kewajipan defendan menerbitkan artikel berkenaan untuk pembacanya.

Sun Media mendakwa artikel berkenaan melaporkan dengan tepat kenyataan Perdana Menteri dalam satu sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri pada 22 September 1998, yang turut dilaporkan dalam akhbar kebangsaan lain.

Menurutnya, dalam sidang akhbar berkenaan, Perdana Menteri memberi penjelasan berhubung pelucutan jawatan Anwar serta sebab beliau ditahan dan salah laku seks yang dikatakan dibuat oleh Anwar.

Selanjutnya, kata defendan, perkataan yang diterbitkan adalah komen yang

berpatutan berhubung perkara yang membabitkan kepentingan umum.

Selain itu, Sun Media juga mengakui menerbitkan semula perkataan berkenaan sebagai sebahagian satu artikel lain pada 28 Januari lalu.

Bagaimanapun, katanya, itu dibuat selepas plaintif mengumumkan secara terbuka berhubung saman terhadap The Sun.

Dalam jawapan kepada pembelaan, Anwar mendakwa Sun Media tidak mempunyai perlindungan bersyarat ketika menyiarkan perkataan yang didakwa memfitnahnya pada September tahun lalu.

Sehubungan itu, katanya, pembelaan perlindungan bersyarat Sun Media (defendan) mesti gagal kerana syarikat berkenaan didorong niat jahat ketika menyiarkan perkataan yang didakwa memfitnahnya.

(END)